

PM sewa helikopter

BH
26/11/2019
m/s: 4

Lipis: Pengerusi Pakatan Harapan (PH), Tun Dr Mahathir Mohamad, menyewa helikopter untuk turun berkempen di Felda Sungai Koyan sempena Pilihan Raya Kecil (PRK) Parlimen Cameron Highlands kerana patuh kepada peraturan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) agar tidak menggunakan aset kerajaan ketika berkempen.

Kata Perdana Menteri: “Undang-undang ini bukan saja dikenakan kepada parti lawan malah parti kerajaan pun dikenakan undang-undang yang sama.

“Umpamanya saya tidak boleh dibenarkan pakai kapal terbang RMAF (Tentera Udara Diraja Malaysia) yang kerajaan punya, (maka) kenalah sewa helikopter swasta punya. Kalau pakai helikopter kerajaan, maka salahlah,” katanya.

Hairan tindakan Najib

Beliau yang juga Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (BERSATU) berkata demikian ketika berucap pada majlis perjumpaan Perdana Menteri bersama warga Sungai Koyan di Dataran Felda Sungai Koyan 1 di sini, semalam.

Dr Mahathir turut hairan dengan bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, yang sekarang ini cukup pandai berkempen di sana sini, malah cuba mengajar kerajaan sekarang bagaimana mentadbir negara.

“Sekarang ini juga dia bercakap asyik nak nasihat kami macam mana nak tadbir negara dengan buat ucapan sana sini.

“Dulu awak jadi PM kenapa awak tak buat? Tapi sekarang ni dia cukup pandai ajar kita macam mana nak tadbir negara,” katanya.